

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

SOALAN NO. 465

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistic bilangan pesakit HIV kini, punca utama jangkitan tersebut, serta pecahan mengikut kaum dan negeri.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bilangan orang yang hidup dengan HIV sehingga 2018 adalah seramai 75,040 kes. Bilangan kes HIV baru di Malaysia pada amnya telah menurun berbanding bilangan tertinggi kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2002 iaitu sebanyak 6,978 orang atau pada kadar 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak 3,293 kes HIV baru telah dilaporkan, atau pada kadar 10.0 kes bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2018, iaitu penurunan notifikasi sebanyak 65% semenjak tahun 2002.

Pada peringkat awal wabak HIV, faktor risiko utama jangkitan adalah melalui perkongsian jarum suntikan di kalangan pengguna dadah suntikan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2011, transmisi seksual menjadi faktor risiko utama jangkitan yang dilaporkan kepada KKM. Pada tahun 2018, sebanyak 57% jangkitan HIV dilaporkan menerusi hubungan homoseksual/biseksual manakala 37% adalah menerusi hubungan heteroseksual.

NO SOALAN : 465

Pada tahun 2018, kumpulan etnik Melayu mencatatkan bilangan kes tertinggi dilaporkan dengan 1,749 kes (53%), disusuli etnik Cina (691 kes, 21%) dan India (256 kes, 8%).

Dalam tempoh yang sama, lima (5) negeri yang paling banyak melaporkan kes HIV baru ialah Selangor (923 kes; 28%), diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (428 kes; 13%), Johor (310 kes; 9%), Sarawak (274 kes; 8%) dan Pulau Pinang (233 kes; 7%).

Sekian, terima kasih.